

PERSEJARAHAAN MELAYU¹ YANG BERSIFAT PERJUANGAN SEBELUM DAN SESUDAH MERDEKA

oleh

KHOO KAY KIM

TRADISI penulisan sejarah orang Melayu sudah diletakkan asasnya semenjak zaman Kesultanan Melaka lagi jika sekiranya benar kitab *Sejarah Melayu* mulai ditulis sebelum jatuhnya kota Melaka dalam tahun 1511. Tetapi tarikh *Sejarah Melayu* dikarang tidak dapat dipastikan. Walau bagaimanapun, berasaskan dokumen/manuskrip yang telah dijumpai, dapatlah ditentukan bahawa kepada masa sekarang, tradisi penulisan sejarah di kalangan orang Melayu Semenanjung, sudah berusia, sekurang-kurangnya, dua setengah abad. Hakikat ini mungkin diketahui umum. Kejahilan masyarakat umum tentang adanya persejaraahan Melayu yang serius, lagi tepat, sejak kurun ke 18 lagi dapat dilihat berdasarkan suatu pendapat yang termuat di dalam *Majallah Guru* dalam tahun 1934 (bulan Mac). Penulisnya mengatakan bahawa:

..... dari dahulu sampai sekarang sunyi bahasa Melayu itu daripada perbendaharaan ya'ani menyimpan akan mutiara fikiran² yang besar² dan tinggi² pada segala pembachanya; tiada kitab² yang mengandongi sa-suatu chawangan pelajaran dan ilmu (lain daripada "kitab² Jawi" yang hampir² tiada bernyawa bahasa Melayu-nya itu) dan tiada kitab² yang terisi di-dalam-nya siasat yang dalam² atau bekas² pendapat pengarang² yang tinggi² fikiran-nya, dan tiada kitab² cherita atau tarikh yang boleh jadi tauladan atau akan tempat mengambil pengajaran dan i'tibar. Bahkan orang² Melayu hanya-lah semenjak sa-puluh tahun ini sahaja baharu mendengar perkataan "Tarikh" dengan ma'ana "History" dan mengerti akan ma'ana dan tujuan-nya. Dahulu daripada ini tiap² cherita atau hikayat dewa membang dan sabagai-nya disangka-nya benar belaka.²

Penyelidikan mutakhir membuktikan bahawa Johor merupakan pusat persejaraahan yang amat subur dalam kurun ke 18. Di antara tulisan-tulisan zaman itu yang dapat dikesani sekarang ialah *Aturan Setia Bugis dengan Melayu*, *Hikayat Opu Daeng Menambon* dan *Peringatan Sejarah Negeri Johor*.³ Karangan-karangan

- 1 Dengan 'Persejaraahan Melayu' dimaksudkan tulisan-tulisan sejarah orang Melayu Semenanjung yang dikarang dalam Bahasa Melayu dan diselenggarakan oleh sejarawan-sejarawan tempatan (iaitu mereka yang bukan para akademik). Makalah ini berdasarkan kertas-karya yang pernah dibentangkan dalam 'Seminar Pengajian Melayu 25 Tahun' yang diadakan di Universiti Malaya pada 1978.
- 2 Zabedah Awang Ngah (ed.), *Renongan: Antoloji Esei Melayu dalam Tahun 1924-1941*, Kuala Lumpur, 1964, h.62-3.
- 3 Lihat Leonard Y. Andaya, *The Kingdom of Johor 1641-1728: Economic and Political Developments*, Kuala Lumpur, 1975, h.3-12.

lain sezaman dengan karya-karya sejarah Johor itu yang juga dianggap sebagai tulisan sejarah yang bermutu tinggi ialah *Sejarah dan Siarah Siak* (tumpuannya kepada pertentangan orang Minangkabau dengan Bugis di Johor) dan *Misa Melayu*, karangan Raja Chulan, yang membincangkan sejarah Perak khususnya pada zaman Sultan Iskandar (1752–1765).⁴

Memang terdapat perbezaan juga di antara karya-karya sejarah lama itu. *Sejarah Melayu* dan *Hikayat Merong Mahawangsa*⁵ banyak mengandungi mithos. Tetapi mithos ini mempunyai fungsi-fungsi yang penting; ia memberikan gambaran tentang sistem nilai masyarakat tradisi. Karya-karya seperti *Aturan Setia Bugis dengan Melayu* dan *Misa Melayu* lebih merupakan sejarah faktuil. *Bias* sudah tentunya ada kerana tulisan-tulisan itu bukan untuk menemui tujuan akademik; tetapi keseluruhannya, isi kandungannya adalah tepat. Perbezaan-perbezaan itu tidak pula meniadakan hakikat bahawa persejarahan lama itu keseluruhannya memperlihatkan ciri-ciri yang agak seragam — iaitu persejarahan tradisi memberi tumpuan kepada Raja dan zuriatnya, kepada tradisi istana dan ditulis guna membanggakan kebesaran dan kegemilangan satu-satu pemerintahan.

Sepanjang kurun ke 19 dan ke 20 (sehingga Perang Dunia I) banyak lagi tulisan-tulisan sejarah yang telah dihasilkan dalam Bahasa Melayu. Nama Raja Ali Haji tidak perlu diperkenalkan lagi. Beliau termasyhur dalam bidang persejarahan Melayu; karya-karya beliau masih menarik perhatian para sarjana zaman sekarang.⁶ Di Kelantan juga, beberapa kitab sejarah telah diselesaikan dalam tempoh itu walaupun setengah-setengah daripada karya-karya itu tidak dapat dikesani.⁷

Pada awal abad ke 20, sejarawan tempatan terpaksa bersaing dengan sejarawan Barat seperti Frank Swettenham dan R.J. Wilkinson.⁸ Waktu itu pengaruh British telah sampai ke setiap negeri Melayu Semenanjung. Sekolah-sekolah cara Barat pun telah didirikan di kebanyakan negeri Melayu. Terpulang kepada pihak British untuk memilih karya-karya kesusasteraan atau sejarah dalam Bahasa Melayu untuk digunakan di sekolah kerajaan. Melalui sekolah-sekolah itulah tulisan-tulisan Munsyi Abdullah dipopularkan di kalangan penuntut-penuntut aliran Melayu. Karya-karya

4 Karangan ini telah diterbitkan kali pertama pada tahun 1919 oleh Methodist Publishing House, Singapura.

5 Ini juga sebuah karangan abad ke 18. Lihat Siti Hawa Saleh (ed.), *Hikayat Merong Mahawangsa*, Kuala Lumpur, 1970.

6 Lihat Virginia Matheson, "The Tuhfat al-Nafis: Structure and Sources", *Bijdragen tot de Taal-, Land- en Volkenkunde*, Deel 127, 1971; Mohd. Taib Osman, "Raja Ali Haji Dari Riau", *Dewan Bahasa*, Jilid 20, Bil. 2, 1976.

7 Lihat Nik Mohamed bin Haji Nik Mohd. Salleh, "Chatetan Rengkas tentang Sumber2 Tempatan mengenai Sejarah Kelantan", *Journal Persatuan Sejarah Kelantan*, Bil. 1, 1964/65.

8 Swettenham telah mengeluarkan bukunya *British Malaya: An Account of the Origin and Progress of British Influence in Malaya*, London, pada tahun 1906; Wilkinson telah menulis "Events Prior to British Ascendancy" dan "Notes on Perak History" pada tahun 1908. Tulisan-tulisan ini kemudian disemak semula dan diterbitkan sebagai *A History of the Peninsular Malays, with chapters on Perak and Selangor*, Singapore, 1920.

sejarah oleh sejarawan tempatan, kecuali yang bersifat *hikayat*, hampir diabaikan, iaitu tidak digunakan secara rasmi di sekolah-sekolah. Pada tahun 1918, R.O. Winstedt bersama-sama dengan seorang sejarawan tempatan, Daing Abdul Hamid bin Tengku Muhammad Salleh, telah mengarang *Kitab Tawarikh Melayu* (diterbitkan di Singapura). Penggunaan istilah 'Tawarikh' mempunyai pengertian yang penting kerana itulah waktunya *Tawarikh* (History) – berbeza dengan *Hikayat* – sebagai suatu matapelajaran akademik mulai diperkenalkan di sekolah-sekolah aliran Melayu.⁹

Untuk zaman bermula daripada abad ke 20, kerana sudah ada penulisan sejarah Tanah Melayu dalam Bahasa Inggeris,¹⁰ maka telah wujud dua aliran dalam kegiatan-kegiatan persejarahan, iaitu dalam Bahasa Melayu dan dalam Bahasa Inggeris. Di antara karya-karya dalam Bahasa Melayu zaman itu yang lebih terkenal di kalangan sejarawan sekarang ialah:

- (i) Haji Mohd. Said bin Haji Sulaiman, *Hikayat Johor dan Tawarikh Al-Marhum Sultan Abu Bakar Johor*, Johor Bharu, 1911.
- (ii) Wan Yahya bin Wan Muhammad, *Salasilah atau Tarekh Kerja-an Kedah*, Penang, 1911. (Jawi dan Rumi)
- (iii) Haji Nik Mahmud bin Haji Ismail (?), 'Hikayat Seri Kelantan' (1914).¹¹

Selayang pandang, ciri persamaan yang paling jelas di antara ketiga-tiga karya itu ialah tumpuan masing-masing kepada satu-satu negeri yang tertentu; juga (namun ini mungkin kurang jelas pada mereka yang tidak mengenali karangan-karangan ini) ketiga-tiga karya itu memberi perhatian kepada *echelon* tinggi masyarakat. Isi kandungannya pula berkaitan erat dengan perkembangan politik-pentadbiran. Kalau dibandingkan dengan persejarahan kurun ke 18, sama ada dari segi isi kandungan, pendekatan ataupun gaya bahasa, karya-karya abad ke 20 ini belum lagi dapat dianggap sebagai penyimpangan daripada tradisi *established* persejarahan Melayu.

Pada tahun 1920an dikeluarkan suatu siri buku sejarah yang diberi jodol *Sejarah Alam Melayu*.¹² Karya-karya ini sepatutnya diberi tempat yang penting

9 Dipercayai matapelajaran 'Tawarikh' mula-mula sekali diperkenalkan pada tahun 1918 di Maktab Melayu Melaka.

10 Tulisan-tulisan oleh orang Barat sebelum itu memang ada tetapi minat yang berkekalan dalam sejarah Tanah Melayu belum lagi ternampak.

11 Lihat Mohd. Taib Osman, 'Hikayat Seri Kelantan' (tesis M.A., Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Malaya, 1961).

12 Buku ini mula-mula diterbitkan dalam tiga jilid kemudian disambung oleh Buyong Adil sehingga lima jilid. Buyong Adil pernah belajar di bawah Abdul Hadi di MPSI (1924–1927). Selepas Perang Dunia II Buyong Adil sendiri terkenal sebagai sejarawan dan sebelum beliau meninggal pada bulan Ogos 1976 telah mengarang beberapa buah buku mengenai sejarah negeri-negeri Melayu.

dalam lembaran persejarahan Melayu/Malaysia kerana ia boleh dianggap sebagai percubaan kali pertama, oleh seorang sejarawan tempatan, untuk menulis sejarah yang bersifat kebangsaan. *Sejarah Alam Melayu* bukan tertumpu kepada sesebuah negeri yang tertentu. Pengarangnya cuba menjelmakan perasaan kebangsaan di paras 'Alam Melayu' iaitu dengan menembusi perasaan kedaerahan yang masih tebal di kalangan masyarakat Melayu waktu itu. Penulisnya – Abdul Hadi bin Haji Hassan – memang terkenal sebagai seorang pejuang kebangsaan Melayu yang telah memainkan peranan penting menyalakan perasaan mencintai 'nusa dan bangsa' di kalangan penuntut Maktab Perguruan Sultan Idris, Tanjung Malim. Beliau adalah pensyarah di MPSI waktu bukunya diterbitkan. Siri buku ini menjadi buku teks di sekolah-sekolah aliran Melayu sehingga 1950an.

Selanjut daripada itu tidak ternampak pula adanya minat dalam penulisan sejarah di kalangan cerdik pandai yang berpelajaran Melayu iaitu memandangkan bahawa tahun-tahun 1920an dan 1930an lebih jelas memperlihatkan perkembangan kesusasteraan Melayu moden. Tetapi dalam pada itu ada pula para sasterawan yang menggunakan tema sejarah untuk karangan-karangan mereka. Ahmad bin Abdullah (Ahmad Bakhtiar), misalnya, banyak mengarang novel yang diberi jodol-jodol seperti *Darah Melaka*, *Keris Melaka*, *Korban Keris Melaka*, *Falsafah Hang Tuah*, *Melayu Tak'kan Hilang*, *Hujan Darah di Selat Melaka* dan *Puteri Gunung Ledang*.¹³

Menjelang Perang Dunia II terdapat dua karya sejarah yang agak menarik :

- (i) Mohamed bin Datuk Muda Linggi, *Tarikh Surat Khabar*, Bukit Mertajam, 1940; dan
- (ii) Ibrahim bin Haji Yaacob, *Melihat Tanah Air*, Kota Bharu, 1941.

Tidak pula dimaksudkan kedua-dua karya itu tergolong sebagai persejarahan yang bermutu tinggi. *Tarikh Surat Khabar* bukan mengandungi buah fikiran yang bernas; ia hanya memberi maklumat tentang akhbar-akhbar yang pernah diterbitkan di Tanah Melayu. Karya Ibrahim Yaacob, kalau berasaskan jodolnya, tidak sepatutnya dianggap sebagai suatu usaha persejarahan. Dalam bukunya, Ibrahim Yaacob ada mencatatkan butir-butir lawatannya ke beberapa negeri Melayu. Tetapi, di samping itu beliau juga membincangkan sistem pentadbiran yang wujud di negeri-negeri Semenanjung terutamanya bagi menunjukkan setakat manakah kuasa Inggeris telah memperkenalkan pembaharuan-pembaharuan dalam bidang pentadbiran dan ekonomi. Sebelum itu tiada buku dalam Bahasa Melayu yang memberi penjelasan tentang hal-hal pentadbiran dan perlembagaan moden di negeri-negeri Melayu.

Sifat yang paling menarik tentang kedua-dua karya itu ialah pemilihan tema masing-masing. Sehingga masa itu belum jadi kebiasaan untuk sejarawan tempatan memilih tajuk yang tidak tertumpu khas kepada Raja, istana atau keagungan kerajaan Melayu. Dari sudut ini, kedua-dua karya itu boleh dikatakan menandakan

13 Lihat Ramlah Adam, "Maktab Melayu Melaka" (Kajian Ilmiah, Jabatan Sejarah, Universiti Malaya), 1972, h.67–75.

suatu titik-tolak dalam persejarahan Melayu yang agak penting.

Tentang buku Ibrahim Yaacob, perlu diperhatikan lagi beberapa keistimewaan-nya. Cara penulisnya melihat sejarah lebih menghampiri cara orang Barat. Memang tidak keterlaluan jika dikatakan bahawa *Melihat Tanah Air* sedikit sebanyak mempunyai persamaan dengan buku Rupert Emerson, *Malaysia: A Study in Direct and Indirect Rule* (Macmillan Company, New York, 1937). Tidak jelas sama ada Ibrahim Yaacob terpengaruh oleh buku Emerson atau tidak. Tetapi buku Emerson merupakan suatu kritikan terhadap pemerintahan British yang amat tajam dan ada mempengaruhi sikap anti-penjajah di kalangan orang Melayu yang berpelajaran Inggeris.

Suatu aspek lagi yang sangat penting tentang buku *Melihat Tanah Air* ialah rujukannya kepada konsep 'Melayu Raya' yang begitu hebat diperjuangkan oleh golongan-golongan tertentu selepas Perang Dunia II. Konsep ini memang timbul daripada hakikat sejarah dan memang sudah dibincangkan dalam buku Abdul Haji bin Haji Hassan kerana sebelum lahirnya konsep 'Melayu Raya', orang Melayu telah diperkenalkan kepada konsep 'Alam Melayu'. Maka Ibrahim Yaacob menerangkan:

'Alam Melayu' ertinya kawasan-kawasan pesaka bagi bangsa Melayu ialah Sumatera, Jawa, Celebes, Pulau Berunai, kumpulan Pulau Maluku, kumpulan Pulau Sunda Kecil dan kumpulan Pulau Filipina. Kawasan-kawasan ini telah ditukar dengan nama Indonesia dan Semenanjung Tanah Melayu, telah digelar memang 'Malaya' pada masa ini¹⁴

Kemudian tentang konsep 'Melayu Raya' pula diberikan penjelasan begini:

Sesungguhnya saya bolehlah memberi pandangan berkenaan dengan perasaan Melayu Raya pada masa yang akhir ini iaitu lepas daripada hampir-hampir lima ratus tahun lamanya mereka menghadapi peperangan saudara hingga Semenanjung Tanah Melayu ini terbahagi kepada beberapa puak yang bernegeri-negeri dan berlawan di antaranya sama sendiri, maka pada masa ini mulailah datang cita-cita hendak bersekutu semula, bukannya sahaja di antara umat-umat Melayu dua 'million' setengah di Tanah Melayu ini, akan tetapi dengan umat-umat di Indonesia seramai 65 'million' itu. Mereka telah ingin hendak bersatu bekerjasama-bekerjasama tetapi hal ini hanyalah satu perasaan sahaja baharukan (Sic) dan sebahagian ramai daripada pihak kaum pertuanan dan darah-darah Raja yang masih memegang teguh dengan perasaan lamanya itu tersangat-sangat menentang akan perasaan-perasaan baharu hendak mempersatukan umat-umat Melayu seumumnya itu.¹⁵

Jelas tulisan Ibrahim Yaacob bukan hanya tidak tertumpu kepada Raja dan istana bahkan beliau telah mengkritik sikap golongan elitis Melayu kerana tidak mahu

14 *Melihat Tanah Air*, h.7.

15 *Ibid.*, h.12–13.

mengikuti arus perkembangan perasaan politik orang Melayu. Benar atau tidak tuntutan-tuntutan Ibrahim Yaacob tentang kemahuan umat Melayu masa itu bukanlah soal yang penting; yang menjadikan bukunya istimewa ialah percubaan oleh pengarangnya untuk menggunakan *sejarah* sebagai alat dakwah bagi menimbulkan kesedaran di kalangan umum. Tetapi malangnya tidak dapat dipastikan sejauh manakah buku itu mempengaruhi sikap orang Melayu waktu itu.

Sekurang-kurangnya dapat dikatakan menjelang Perang Dunia II *trend* per-sejarahan Melayu sudah mulai menuju haluan yang baharu. Masa perang dunia seolah-olah melambatkan proses perkembangan baharu itu. Sesungguhnya mungkin zaman Pendudukan Jepun itulah yang memesatkannya kerana ia melonggarkan kongkongan British terhadap penyibaran kesedaran politik orang Melayu (dan masyarakat Tanah Melayu umumnya). Bila British kembali pada penghujung tahun 1945, segala *infrastructure* politik-pentadbiran yang telah dibina selama lebih kurang 60 tahun ke belakangan itu hampir musnah. Proses pembinaan semula *infrastructure* itu merupakan suatu masalah yang besar. Dalam masa yang bergelora itu (1945–48) beberapa orang para aktivis politik mengambil kesempatan untuk menulis sejarah. Oleh yang demikian keadaan yang melahirkan tulisan-tulisan sejarah itu agak luar biasa. Bagi ahli politik, segala kegiatan mereka semestinya bertujuan mencapai matlamat politik. Di antara 1945–1948, politik orang Melayu sangat membimbangkan Cawangan Khas British.¹⁶ Berbagai pertubuhan politik radikal telah diasaskan seperti *Barisan Tani, Pembantu Indonesia Merdeka* dan *Pertubuhan Kebangsaan Rakyat Kalimantan Malaya*. Lebih terkenal daripada pertubuhan-pertubuhan itu ialah Partai Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM), API, AWAS dan Saberkas. PKMM ditubuhkan pada 17hb Oktober 1945 di Ipoh.

Sudahpun disebutkan bagaimana Ibrahim Yaacob menggunakan hujjah-hujjah sejarah untuk mempopularkan perjuangannya – iaitu mewujudkan ‘Melayu Raya’ – dalam bukunya *Melihat Tanah Air* (1941). Selepas Perang Dunia II, Dr. Burhanuddin Al-Helmi pula menulis sebuah buku nipis yang diberi nama *Sejarah Perjuangan Kita* (United Press, Pulau Pinang, 1947). Buku itu ditulis untuk memperingati perjuangan PKMM. Dalam tulisannya Dr. Burhanuddin cuba memberi keterangan tentang konsep perjuangan Melayu dan sejarahnya, juga keadaan politik-ekonomi-pentadbiran yang telah melahirkan perjuangan itu serta matlamat yang ditujuinya. Ternyata buku itu bukan untuk menemui keperluan akademik. Dan oleh para sarjana sudah tentu buku itu tidak dianggap sebagai sebuah karya sejarah yang bermutu tinggi. Tetapi sudah pasti bukan menjadi hasrat Dr. Burhanuddin sendiri untuk menghasilkan sebuah buku sejarah yang bersifat ilmiah namun beliau mengharapkan hujjah-hujjah sejarah yang dibentangkannya dapat diterima sebagai hakikat oleh para pembaca. Beliau menulis:

Sejarah perjuangan kita supaya jelas dan terang, dapat difaham dan dipelajari oleh tiap-tiap seorang bangsa Melayu hari ini, hendaklah diselidiki dan dipelajari dari asal usulnya, dari akar dan umbinya sekali. Kerana dengan begitulah sahaja, baharulah dapat menimbulkan rasa keyakinan dan kepercayaan yang

16 Lihat Anthony Short, *The Communist Insurrection in Malaya*, London, 1975, h.80.

teguh yang akan menjadi 'asas' dan 'dasar' kita memperjuangkan cita-cita suci menuju matlamatnya — iaitu 'MERDEKA' — merdeka dalam ertikata yang sebenar-benarnya, iaitu kemerdekaan bangsa, ugama dan tanah air.¹⁷

Buku ini disusuli oleh sebuah buku lagi, dalam tahun 1950, yang diberi jodol, *Asas Falsafah Kebangsaan Melayu*.¹⁸ Ini boleh dianggap sebagai suatu *treatise* politik juga. Tetapi oleh sebab Dr. Burhanuddin telah menggalurkan sejarah perkembangan bangsa Melayu dari zaman awal lagi maka karya ini juga merupakan suatu hasil persejaraan. Dr. Burhanuddin menulis:

Ada berbagai tjara orang menentukan bahagian sesuatu tjorak bangsa itu, ada jang membagikan bangsa warna: 1 — kulit hitam; 2 — kulit putih; 3 — kulit kuning; 4 — kulit kemerah2an; 5 — kulit langsung, dan ada jang menentukan bagian bangsa2 itu dengan nama bangsa: 1 — keturunan Negro (cafy); 2 — keturunan Arya; 3 — keturunan Mongolia; 4 — keturunan Nordic; 5 — keturunan Semite dan 6 — keturunan Melayu serta yang lain2nya. Bagaimanapun ternjata, bangsa Melayu ada tersendiri atau bersendirian, bila dihalusi duduknja perkaitan diantara bangsa Mongolia dan Arya.¹⁹

Berdasarkan tulisan-tulisan para sarjana, termasuk orang Barat, Dr. Burhanuddin membuat kesimpulan bahawa:

Kawasan kesatuan lama Melayu itu, ialah utaranja dari Senggora lalu ketanah Balang Sang Mudjung (Semenanjung ini), Pulau Pertja, Andalas, Djawa, Merauke, Mindano, Luzon (Philippina) dan beribu2 pulau lagi. Sekarang jang masih terang mengakui Melayu ialah penduduk barat Senggora terus kesebelah Timur Sandakan, Brunei dan dari situ keselat Sunda sebelah Selatannja, lalu menudju kesebelah Atjeh dan bertemu balik ke Senggora. Kawasan diluar itu masih ada ke-Melayu-annja tetapi kebangkitan kebangsaan Pilippina dan rasmi bahasa Melayu di Indonesia sekarang, masih njata tali salur galurnja kawasan ke-Melayu-an itu.²⁰

Buku ini yang mempunyai 48 halaman sahaja sudah tentu bukan suatu karya yang lengkap, tetapi bertolak daripada sejarah asal-usul bangsa Melayu, Dr. Burhanuddin sempat juga menyentuh tentang "Riwayat peperangan NANING, Pembuangan SULTAN ABDULLAH Perak, MAT KILAU Pahang, TOK DJANGGUT Kelangan" yang dikatakan "tetap tidak dapat dilupakan oleh sedjarah bangsa Melayu."²¹ Juga tidak ketinggalan perjuangan menentang *Malayan Union*; di sini

17 Abd. Rauf bin Mohd. Jais, "Dr. Burhanudin: Suatu Kajian tentang Perjuangan dan Pemikiran Politiknya" (Kajian Ilmiah, Jabatan Sejarah, Universiti Malaya), 1976, h.74.

18 Cetakan pertama diterbitkan dalam tahun 1950, cetakan kedua dalam tahun 1954. Buku yang digunakan di sini adalah cetakan ketiga (1963?) diterbitkan di Djakarta.

19 Ibid., h.9.

20 Ibid., h.17.

21 Ibid., h.31.

Dr. Burhanuddin cuba memberi keterangan tentang pendirian PKMM yang pada suatu masa menentang *Malayan Union* tetapi kemudian bersama-sama dengan pertubuhan-pertubuhan lain dalam All-Malaya Council of Joint Action seolah-olah menyokong *Malayan Union*. Tetapi 'Malayan Union' yang disokong oleh PKMM bukan *Malayan Union* yang dilahirkan oleh British pada 1hb April 1946 – beliau menerangkan:

Tuntutan PARTAI KEBANGSAAN MELAYU MALAYA dahulu menerima MALAYAN UNION jaitu satu Malayan Union yang tioraknja dan bentuknja dibuat oleh bangsa Melayu, jaitu menurut semangat permulaan treaty (perdjandjian) antara radja2 Melayu dengan Inggeris, menurut arti Melayu terdjemahan Malayan itu, adalah satu tuntutan menurut hasrat sedjati bangsa Melayu, bukan Malayan Union buatan London.²²

Maksudnya, *Union Tanah Melayu* itu mestilah selaras dengan *Perlembagaan Rakyat* yang pernah digubal oleh Putera-All-Malaya Council of Joint Action.

Sementara itu Ibrahim Yaacob juga sedang menyediakan sebuah buku di Indonesia yang memberikan maklumat-maklumat yang lebih terperinci tentang sejarah perjuangan orang Melayu.²³ Nampaknya karya itu telahpun siap pada tahun 1948 tetapi tidak diterbitkan sehingga tahun 1951.²⁴ Oleh sebab buku itu diterbitkan di Jogjakarta dan tidak dapat diedarkan di Tanah Melayu secara terbuka maka tidak ramai ahli sejarah atau penuntut sejarah zaman 1950an ataupun 1960an yang berkesempatan membaca buku itu. Sehingga 1950an tidak pernah dihasilkan sebuah buku dalam Bahasa Melayu yang berjaya membincangkan sejarah pergerakan politik orang Melayu dengan cara yang begitu rapi.

Pertanggapan Ibrahim Yaacob tentang sejarah Tanah Melayu amat menarik. Seperti Dr. Burhanuddin, hujjah-hujjah Ibrahim Yaacob tentang kemuliaan dan kebenaran perjuangan orang Melayu (sesungguhnya PKMM yang bukan hanya menuju kemerdekaan tetapi menuju percantuman Tanah Melayu-Indonesia sebagai matlamat terakhir) berdasarkan andaian bahawa 'Alam Melayu' adalah *negara* orang Melayu yang sebenarnya. Maka nasionalisme Melayu di sini membawa pengertian yang konkrit kerana ia berdasarkan suatu kawasan (*territory*) yang mempunyai sempadan yang tertentu iaitu 'Alam Melayu'. Fahaman Ibrahim Yaacob tentang proto-sejarah Alam Melayu adalah selaras dengan pendapat setengah-setengah *anthropologist* dan *archaeologist* zaman itu. Menurut beliau:

Di-Malaya, mulai pertjampuran orang2 Dravida dan Mongol itu dan lahirlah suku orang Melayu asli jang telah mulai menjeberang ke-Sumatra, Djawa,

22 Ibid., h.35.

23 Lihat I.K. Agastja (nama samaran Ibrahim Yaacob), *Sedjarah dan Perdjjuangan di Malaya*, Jogjakarta, 1951 (?).

24 'Pendahuluan' oleh penulis bertarikh 25hb November 1948; 'Pendahuluan Penerbit' bertarikh 11hb Jun 1951; (Ibid.).

Kalimantan, Sulawesi dan Mindanao (Philippine), kemudian orang2 Melayu itu telah bertjampur dengan orang2 Aryans serta menerima agama Hindu, jaitu anggaran dalam tahun 800—500 B.M. di-Utara Malaya sudah ada keradjaan Melayu agama Hindu.

Sesungguhnya dari orang2 *rumpunan Melayu* itulah jang mendjadi asal keturunan penduduk2 Sumatra, Djawa, Sulawesi, Sunda Ketjil, Maluku, Kalimantan dan Philippine sekarang, bahkan mereka itu kembang keseluruh pulau2 di-lautan Pacific ini disebut orang Polynesian, nama gabungan seluruhnja ialah Melayo-Polynesian diringkaskan disebut (Malaysian).²⁵

Terdapat sedikit unsur *xenophobia* dalam tulisan Ibrahim Yaacob bila beliau menyentuh dasar pentadbiran Inggeris, terutama ulasannya tentang kaum Arab. Menurut beliau:

Adapun perbuatan2 jang di-djalankan oleh Inggeris ialah:

- (i) Memasukkan buruh2 dari China dan India sebanyak2nja melalui tiga perlabuhan terbuka jang sudah di-djadikan djadjahan-Mahkotanja di-Malaya itu.
- (ii) Memasukkan pendjahat dari China Selatan untuk mengadakan kekatajauan di-daerah negara Melayu.
- (iii) Membawa orang2 berpeladjaran Inggeris dari India dan Ceylon untuk membantu perkerdjaan pendjadjahan pemodal Inggeris jang sedang mahu di-lebarkan di-Malaya dan Asia Tenggara.
- (iv) Mengadakan hubungan2 bersahabat dengan Sultan2 dan orang2 besar Melayu jang lemah djiwa jang sanggup mendjadi alat dan dapat di-beli oleh Inggeris supaja menjerahkan negeri dan rakjat-nya kepada pendjadjahan Inggeris.
- (v) Memasukkan pengasut2 jang membesarkan perpetjahan dan persengketaan di-antara radja dengan radja jaitu dengan memakai akan kaki tangannja orang Arab sebagai pengembang agama Islam atau sebagai anak tjutju Nabi Mohamad bergelar Syed jang di-hormati oleh orang Melayu; dan memakai orang2 India serta China dll-nja.
- (vi) Mengumpulkan Modal-nja di-England untuk di-masukkan ke-Malaya sebagai daerah timur jang baru sesudah India.²⁶

Oleh sebab sehingga 1960an para akademik tidak banyak menulis tentang

25 Ibid., h.9.

26 Ibid., h.34.

politik di Tanah Melayu sebelum Perang Dunia II, karya Ibrahim Yaacob dianggap sebagai suatu sumbangan yang bernilai. Bahkan apabila para akademik mulai memberi perhatian kepada politik di Tanah Melayu sebelum tahun 1945, buku Ibrahim Yaacob ini menjadi suatu sumber yang dianggap berotoritas. Kerana tulisan Ibrahim Yaacob maka muncullah kepercayaan bahawa penuntut-penuntut MPSI telah mempelopori kegiatan-kegiatan berpolitik di kalangan orang Melayu. Tetapi, walaupun pada masa sekarang isi kandungan buku Ibrahim Yaacob diragukan, kerana ada bukti menunjukkan kemunculan dan merebaknya kesedaran politik itu merupakan suatu proses yang lebih luas dan kompleks, suasana politik masyarakat Melayu yang digambarkan oleh Ibrahim Yaacob dapat dikatakan *authentic*. Sekurang-kurangnya, secara keseluruhan beliau dapat mengkaitkan berbagai faktor — ekonomi, tuntutan-tuntutan orang bukan-Melayu, pelajaran, perkembangan-perkembangan di seberang laut, dll. — yang bersama-sama melahirkan suatu keadaan yang dengan beransur-ansur menggerakkan orang Melayu. Hanya Ibrahim Yaacob kurang menggambarkan hakikat bahawa perjuangan orang Melayu itu bukan terhadap kepada kegiatan beliau dengan rakan-rakannya sahaja. Walau bagaimanapun dapat diakui bahawa *Kesatuan Melayu Muda* (KMM), ditubuhkan pada tahun 1938 dan diketuai oleh Ibrahim Yaacob, adalah pertubuhan politik Melayu *kebangsaan* yang pertama di Tanah Melayu.

Selain daripada *Sedjarah dan Perjuangan di Malaya*, Ibrahim Yaacob ada menulis dua buku lagi²⁷ yang juga membicarakan politik orang Melayu tetapi berbanding dengan buku yang pertama itu kurang padatnya. Dari segi isi, dalam *Nusa dan Bangsa Melayu*, tidak terdapat sebarang tambahan kepada *Sedjarah dan Perjuangan di Malaya*. Dan dalam buku ini tidak disebutkan pula tentang buku yang lebih awal itu seolah-olah Ibrahim Yaacob belum sedia mahu mengaku bahawa I.K. Agastja adalah beliau sendiri. Dalam buku *Sekitar Malaya Merdeka* yang nampak jelas ditulis untuk mempertepat pengeluarannya dengan pencapaian kemerdekaan oleh Tanah Melayu pada 31hb Ogos 1957,²⁸ Ibrahim Yaacob bukan hanya menyentuh perkembangan politik di Tanah Melayu dalam tempoh menjelang kemerdekaan, tetapi di samping itu seolah-olah menyatakan kurang puasthatinya dengan cara kemerdekaan itu dicapai. Dalam 'Mukaddimah', misalnya, dikatakan:

Semoga kitab ketjil ini memberikan sedikit darma-bakti yang baik bagi pembatja jang merasa penting mempeladjar hal perdjjuangan di Malaya, dan disini saja perlu menegaskan, meskipun kemerdekaan Malayan jang ditjapainja pada tanggal 31-8-1957 itu dengan *kurnia* Keradjaan Inggeris sahadjja untuk mendirikan sebuah keradjaan (monarchy) Persekutuan Tanah Melayu, tetapi perdjjuangan kemerdekaan Malaya adalah penuh dengan pengorbanan djiwa dan darah....²⁹

27 Lihat *Nusa dan Bangsa Melayu*, N.V. Alma'arif, Djakarta (?), 1951; dan *Sekitar Malaya Merdeka*, Kesatuan Malaya Merdeka, Djakarta (?), 1957.

28 "Kata Pengantar" bertarikh 19hb Ogos 1957, dan "Mukaddimah" bertanggal 17hb Ogos 1957.

29 *Sekitar Malaya Merdeka*, h.7.

Yang dikatakan banyak berkorban merujuk kepada golongan yang terlibat dalam perjuangan KMM, PKMM dan sebagainya, termasuk badan-badan yang keanggotaannya terdiri daripada kaum bukan-Melayu. Menyentuh tentang kemunculan Persekutuan Tanah Melayu pada tahun 1948, Ibrahim Yaacob menulis:

Adapun M.N.P. /PKMM/ dengan seluruh anggota yang bergabung didalam PUTERA tetap mendjalankan politik NON. Sedangkan A.M.C.J.A. ternjata petjah, jaitu sesudah Inggeris memaksakan supaya Pemerintahan Federation of Malaya dibentuk dengan Undang2 Dasar made in England, pihak M.D.U.,³⁰ M.C.P.,³¹ Partai Buruh atau General Labour Union (G.L.U.), Pan-Malayan Federation of Trade Union (P.M.F.T.U.), dan lain2nja tetap NON tidak mau kompromi, tetapi golongan Tionghoa lainnja membentuk Malayan Chinese Association (M.C.A.) dipimpin oleh Tan Cheng Lock lalu memihak kepada U.M.N.O. yakni masuk kepihak CO, selandjutnja beberapa waktu kemudian Malayan Indian Congress (M.I.C.) yang mula2-nya mempertahankan tudjuan A.M.C.J.A. achirnja berbaik djuga kepada CO, djadinja tidaklah heran djika yang memerintah Persekutuan Tanah Melayu sekarang ialah "Perikatan" U.M.N.O. — M.C.A. — M.I.C.³²

Tidak hairanlah sebahagian besar buku ini (76 halaman) tertumpu kepada perjuangan golongan radikal. Dan di akhir buku itu diulangi keazaman perjuangannya guna mencapai "Satu Ikatan Kebangsaan bersama bagi seluruh suku bangsa darah keturunan Melayu...."³³

"Environment maketh the man". Pepatah ini penuh ertinya jika diteliti dalam keperihalanan persejarahan Melayu selepas Perang Dunia II. Kegiatan-kegiatan politik yang dengan beransur-ansur menuju matlamat kemerdekaan mencipta suatu suasana yang bukan hanya menjadikan penduduk-penduduk tempatan lebih berani bahkan memberi ilham kepada setengah-setengah penulis untuk mencatatkan perasaan kebangsaan masing-masing dengan cara yang tersendiri. Karya-karya sejarah sepanjang lebih kurang sepuluh tahun sebelum merdeka, sama ada secara langsung atau tidak langsung, mencerminkan keadaan politik zaman itu, walaupun tema setengah buku tersebut tidak berbau politik.

Seorang lagi sejarawan tempatan zaman itu ialah Shahabudin bin Ahmad (dikenali dengan nama pena 'Syahba'). Beliau adalah keturunan Dol Said, tokoh Perang Naning. Syahba menulis dua buah buku iaitu mengenai adat perpatih Naning dan juga Dol Said.³⁴ Dalam 'Pendahuluan' kepada buku *Pusaka Naning*, Syahba menerangkan tujuannya mengarang buku itu:

30 Malayan Democratic Union.

31 Malayan Communist Party.

32 *Sekitar Malaya Merdeka*, h.46, 48.

33 *Ibid.*, h.76.

34 *Pusaka Naning*, The Sentosa Press, Kuala Pilah, 1951; dan *Pahlawan Dol Said Naning*, The Sentosa Press, Kuala Pilah, 1952. Buku yang kedua itu belum saya jumpai lagi.

.... Anak-anak Melayu Naning zaman dahulu itu adalah sangat dikenang oleh orang-orang Melayu hari ini biar pun telah lewat masanya kira-kira 120 tahun lebih lamanya kerajaan Dol Said Naning itu lenyap di bumi Naning; sebaknya nama dan semangatnya kepahlawanannya memang jadi sebut-sebutan yang menggembirakan hati orang yang mendengar riwayatnya.

Zaman bangsa Melayu sedang melangkah naik kemerchuan kemerdekaan seperti hari ini, didapati beberapa banyak pahlawan-pahlawan Melayu yang beratus tahun dahulu meninggal dunia dan berjasa besar kepada Tanah Airnya, ditimbulkan semula nama mereka itu samada di dalam sharahan-sharahan, di halaman akhbar-akhbar, majallah dan buku-buku cerita dan segala segi kebaktian hidup mereka itu disebut dan diceritakan satu persatunya yang menyebabkan perasaan pendengar-pendengar atau pembaca-pembaca melayang ghaib ke alam hidup mereka itu, yang menimbulkan seolah-olahnya rasa mereka itu bersama-sama berada di dalam masyarakat hidup pendengar dan pembacanya. Mengingatkan riwayat hidup atau percaturan hidupnya satu-satu bijak pandai pahlawan-pahlawan besar itu memang wajib istimewa bagi bangsa Melayu yang terjajah dan yang ada mempunyai cita-cita mahu mencapai kemerdekaan semula bangsa Melayu kerana riwayat hidup pahlawan itu adalah menjadi sebaik-baik utomik /tauladan/ bagi mengejutkan satu-satu umat supaya memberi tenaga bakti di medan pengorbanan untuk bangsa Tanah Air.³⁵

Walaupun sebahagian besar buku itu memperkatakan perihal adat perpatih, Syahba sempat juga memberikan butir-butir tentang Perang Naning (1831–1832) iaitu peristiwa yang memasyhurkan nama Dol Said. Telah di katakan, beliau selanjutnya mengarang sebuah buku khas mengenai Dol Said. Syahba sendiri memang sudah lama berkecimpung dalam pergerakan politik Tanah Melayu iaitu sebelum buku-bukunya diterbitkan. Beliau pernah menjadi anggota KMM, Cawangan Kuala Kubu, pada tahun 1940 dan menjelang Perang Dunia II telah ditahan. Selepas perang, beliau memasuki PKMM pula dan sekali lagi, pada akhir 1946, ditangkap oleh pihak British, tetapi tidak lama dipenjarakan. Pada tahun 1948, beliau adalah di antara beberapa orang yang menubuhkan UMNO, Cawangan Ulu Langat.³⁶

Tetapi bukan semua sejarawan zaman itu yang giat dalam pergerakan politik. Salah seorang daripada mereka yang sangat berminat dalam sejarah dan terpengaruh oleh semangat kebangsaan yang berkobar-kobar waktu itu ialah Zainal Abidin Daud. Beliau lebih merupakan seorang pendidik dan pernah mendapat latihan di MPSI di antara 1926–1929, tetapi tidak menjadi aktivis politik. Menjelang kemerdekaan, beliau mengarang sebuah buku sejarah mengenai Tanjong Malim.³⁷ Menu-

35 Lihat Hamidah Said, "Shahba: 'Pusaka Naning' Satu Kajian Teks", (Kajian Ilmiah, Jabatan Sejarah, Universiti Malaya), 1977/78, h.2.

36 Ibid., h.iii–vi.

37 *Riwayat Tanjong Malim*, The Malay Press, Kuala Pilah, 1955.

rut beliau ada beberapa sebab mengapa buku itu ditulis,³⁸ di antaranya:

- (i) untuk menyedarkan orang-orang Melayu supaya giat di bidang perniagaan;
- (ii) untuk menyedarkan orang-orang Melayu yang lalai tentang tanggungjawab mereka terhadap bangsa dan negaranya;
- (iii) kerana tidak puashati dengan kedatangan kaum-kaum immigren;
- (iv) sebagai teks tambahan untuk mengembangkan Bahasa Melayu di sekolah-sekolah Melayu, China dan Tamil, juga di sekolah-sekolah Inggeris; dan
- (v) untuk menyedarkan bangsa Melayu dengan semangat kebangsaan menentang pihak penjajah Inggeris.

Buku itu juga mengandungi sedikit unsur politik serta seruan terhadap orang Melayu supaya berjuang dan terdapat juga percubaan untuk menunjukkan secara umum kesan-kesan pemerintahan penjajah. Tetapi bagi penulis sendiri, ada dua perkara dasar yang perlu ditonjolkan. Yang pertama, MPSI, yang menurut penulis "begitu termegah hingga setengah-setengah pelawat-pelawatnya jadi hairan" kerana ia terletak di sebuah pekan yang begitu sederhana". Justeru itu, sejarah Tanjong Malim (yang mempunyai nama yang begitu 'gah') adalah perkara kedua yang perlu diperkenalkan kepada para pembaca. Kedua-dua perkara ini penting bagi penulis kerana, kata beliau, "Kalau ada kemenyan sebesar bukit jika tidak dibakar di manakan tahu baunya."³⁹

Tadi disebutkan pengarang juga menulis kerana mahu menyedarkan orang Melayu supaya giat di bidang perniagaan. Ini sebenarnya tidak timbul daripada isi kandungan buku *Riwayat Tanjong Malim*. Tujuan penulis ini ada kaitan dengan usahanya sendiri untuk menjayakan syarikat percetakannya – The Tanjong Malim Press yang telah ditubuhkan pada tahun 1936. Kalau *Riwayat Tanjong Malim*, secara langsung, kurang memperlihatkan kesedaran Zainal Abidin Daud tentang suasana politik negara dalam 1950an itu, sebuah buku lagi yang dikarangnya membuktikan kesedaran itu. Buku itu yang berjudul *Sejarah Malaya Merdeka* dikeluarkan pada 6.30 pagi, 31hb Ogos 1957.⁴⁰

Sesuai dengan zaman perjuangan itu yang mengakibatkan orang tempatan mengenang kembali sejarah dan tokoh yang lama, beberapa 'pahlawan' menjadi subjek biografi dalam tulisan-tulisan sejarawan tempatan. Yang paling popular

38 Lihat Md. Damiri Md. Sairi, 'Riwayat Tanjong Malim' (Kajian Ilmiah, Jabatan Sejarah, Universiti Malaya), 1976, h.75–76.

39 Ibid., h.105.

40 Ibid., h.74–75. *Sejarah Malaya Merdeka* juga diterbitkan oleh The Malay Press, Kuala Pilah. Saya belum dapat membaca buku ini maka tidak dapat memberikan ulasan tentang isi kandungannya.

ialah Tok Janggut Kelantan yang terlibat dalam kebangkitan anti-British di Pasir Puteh pada tahun 1915. Kesemuanya, tiga biografi pernah ditulis tentang Tok Janggut oleh sejarawan tempatan:

- (i) Yahya Abdullah, *Peperangan Tok Janggut atau Balasan Derhaka*, Kota Bharu, 1955;
- (ii) Haji Abdullah bin Amirah, *Riwayat Hidup To' Janggut dan Peperangan di Kelantan*, Pulau Pinang, 1963; dan
- (iii) Abdul Jalil Haji Noor, *Tok Janggut Pahlawan Kelantan*, Kota Bharu 1965.

Di antara ketiga-tiga buku itu, yang paling istimewa ialah karangan Haji Abdullah bin Amirah kerana beliau mengenali Tok Janggut dari dekat. Nama sebenar pengarang ialah Haji Abdullah bin Awang Merah. Beliau berasal dari kawasan Pasir Puteh dan ayahnya adalah salah seorang pengikut Tok Janggut.⁴¹ Tujuan beliau menulis tentang Tok Janggut lebih kurang sama dengan tujuan sejarawan-sejarawan lain kerana didapati zaman kemerdekaan itu adalah sesuai untuk beliau memperkenalkan kepada golongan muda tentang pusaka sejarah mereka. Maka kata penulis:

Alhamdulillah saya terima syukur kepada Allah Subhanahu wata'ala yang menghantarkan ilham kepada saya buat menyusun riwayat hidup Tok Janggut dan peperangannya iaitu suatu kisah kejadian yang boleh menjadikan satu peringatan dan keinsafan serta bersemangat kepada semua golongan-golongan orang Melayu khususnya dan penduduk Tanah Melayu amnya iaitu peperangan Tok Janggut di negeri Kelantan di jajahan Pasir Puteh ... Sesungguhnya saya tidak ahli bagi karang mengarang, tetapi dengan ketugasan hati saya yang ikhlas dan bersemangat dan saya ingat kata-kata Tok Janggut selalu dikatanya, ... iaitu kita duduk di atas dunia ini, kita mesti cari nama hidup lama ... umur pendek dan akasnya jangan ... di sinilah manakala kita kaji dengan halus muga-muga itu terjatuhlah di atas tubuh Allahyarham Tok Haji Janggut. Maka dengan buku ini diharap menjadi satu tanda kepada bangsa kita bahawasanya di tanah air kita ini ada berlaku bermacam-macam perkara yang boleh menjadi pelajaran tawarikh dan bandingan hidup untuk anak-anak cucu kita di belakang kelak.⁴²

Sebenarnya dalam masa lebih kurang sepuluh tahun, iaitu mulai masa menjelang kemerdekaan sehingga 1960an, lebih banyak buku sejarah ditulis oleh sejarawan tempatan daripada satu-satu tempoh yang tertentu sebelum Perang Dunia II. Perlu diakui pertambahan bilangan tulisan-tulisan sejarah memang disebabkan oleh berbagai faktor. Selepas Perang Dunia II lebih ramai penduduk tempatan yang

41 Lihat Rahmiah Harun, 'Haji Abdullah Amirah: Riwayat Hidup Tok Janggut dan Peperangannya di Kelantan – Suatu Penelitian Persejarahan' (Kajian Ilmiah, Jabatan Sejarah, Universiti Malaya), 1977/78.

42 Haji Abdullah bin Amirah, op. cit. ('Sepatah Kata').

kenal huruf akibat perkembangan sistem pelajaran. Kemudahan-kemudahan untuk mencetak buku sudah tentu lebih baik berbanding dengan kemudahan yang ada pada masa yang lebih awal. Tetapi kalau ditilik karya-karya yang dihasilkan dalam zaman kemerdekaan itu, ternampak jelas para sejarawan terpengaruh oleh suasana zaman. Mereka merasai bahawa waktu itu adalah sesuai untuk menyebarkan pengetahuan tentang sejarah zaman yang lampau kerana hanya dengan cara itu baharulah jelas pada generasi muda bahawa orang Melayu mempunyai tradisi yang lama. Namun tidak seorangpun daripada para sejarawan itu yang cuba mengutarakan satu-satu konsep sejarah dengan cara yang lebih konkrit; tersirat di dalam pandangan mereka ialah suatu kecenderungan untuk menyamakan sejarah dengan tradisi. Atau dalam lain perkataan dalam pertanggapan mereka, negara yang mempunyai sejarah adalah negara yang mempunyai tradisi yang kukuh; masyarakat yang mempunyai sejarah lama adalah masyarakat yang berakar umbi. Jauh berbeza daripada zaman tradisi di mana persejarahan Melayu hanya tertumpu kepada Raja, istana dan kerajaan, tema-tema yang dipilih dalam zaman kemerdekaan itu memperlihatkan sifat yang pelbagai. Misalnya, buat kali pertama sebuah buku dihasilkan yang cuba menggalurkan perkembangan pelajaran Melayu.⁴³ Zaman kemerdekaan juga waktunya perjuangan untuk merealisasikan Bahasa Melayu sebagai Bahasa Kebangsaan yang tunggal. Walaupun Bahasa Melayu ketika itu mempunyai sejarah yang melintasi beberapa abad, pengukuhan kedudukan bahasa itu bergantung kepada sistem pelajaran. Kalau Bahasa Melayu penting, maka perkembangan pelajaran Melayu juga penting dan sejarahnya harus diketahui oleh generasi zaman kemerdekaan.

Tadi telah disebutkan, ada sejarawan yang menulis tentang sejarah tempatan (*Riwayat Tanjung Malim*, misalnya) dan ada yang menulis tentang pahlawan-pahlawan zaman dahulu (Dol Said, Tok Janggut, dsb.) maka ini adalah di antara dua lagi aspek sejarah masyarakat Melayu yang sangat diminati oleh para sejarawan di merata tempat di Tanah Melayu.⁴⁴ Setengah-setengah ahli sejarah tetap menulis dengan cara yang tradisional dan tumpuan tulisan mereka adalah terhadap negeri-negeri yang tertentu.⁴⁵ Tetapi di kalangan golongan ini juga, tulisan mereka kali ini ditujukan kepada masyarakat umum tidak seperti zaman tradisi di mana sejarawan tempatan biasanya mengarang di bawah naungan Raja-raja yang tertentu. Harus dijelaskan di sini bahawa adanya perkembangan-perkembangan yang baharu

43 Lihat Mansur Sanusi, *Sejarah Perkembangan Pelajaran Melayu*, Sinaran Bros., Pulau Pinang, 1955.

44 Lihat misalnya Daud bin Sulaiman, *Ringkasan Tawarikh Orang Kaya-Kaya dan Penghulu-Penghulu Batu Pahat*, Muar, 1955; Abdul Talib bin Haji Ahmad, *Riwayat Kinta*, Kuala Lumpur, 1959 (?); Mohammed Daud Jamil (penyusun), *Tawarikh Gunong Reng*, Kota Bharu, 1959 (?); Raja Razman bin Raja Abdul Hamil dll., *Hulu Perak dalam Sejarah*, Ipoh, 1963; Darus Ahmad, *Orang Besar Tanah Ayer*, Pulau Pinang, 1958; Abdul Talib bin Haji Ahmad, *Sejarah Dato' Bahaman Orang Kaya Semantan*, Kuala Lumpur, 1962 (dua jilid); serta *Darah Mengalir di Pasir Salak*, Kuala Lumpur, 1961.

45 Contohnya: Sharom Hussein, *Tawarikh Johor*, Singapura, 1950; Abdullah Haji Musa, *Sejarah Perak Dahulu dan Sekarang*, Singapura, 1957 (?); As'ad Shukri, *Sejarah Kelantan*, Kota Bharu, 1962; Arifin Abdul Rashid, *Ringkasan Sejarah Kelantan*, Kota Bharu, 1962; dan Misbaha, *Sejarah Trengganu*, Kuala Trengganu, 1966.

tidak semestinya bererti tradisi yang lama lenyap sama sekali. Yang lama dengan yang baharu seringkali dapat *co-exist* sekurang-kurangnya buat sementara waktu. Maka dalam zaman kemerdekaan masih ada sejarawan tempatan yang kedudukannya hampir sama kedudukan sejarawan dalam zaman tradisi. Ini dapat disimpulkan berasakan tulisan masing-masing,⁴⁶ iaitu yang menjadi subjek penting dalam tulisan mereka adalah Raja dan Kerabat Diraja.

Awal-awal lagi telah dibincangkan karya-karya sejarah yang dihasilkan oleh beberapa orang aktivis politik. Sewajarnya, di sini, diulangi bahawa suatu lagi kategori persejarahan Melayu zaman kemerdekaan itu ialah tulisan-tulisan yang secara langsung memaparkan perkembangan atau kegiatan politik orang Melayu. Walaupun Dr. Burhanuddin dan Ibrahim Yaacob telah mengibarkan bendera PKMM dengan cukup berkeyakinan melalui usaha-usaha persejarahan masing, terdapat juga ahli politik lain yang cuba melihat perjuangan orang Melayu dari sudut yang agak berlainan, terutamanya dengan memberikan titikberat kepada UMNO pula. Di antara yang paling vokal zaman itu ialah A.H. Edrus. Pada masa soal *Malayan Union* masih hangat dibahaskan, beliau telah menulis buku *Malayan Union: Suara Melayu ka-Parlimen* (1946).⁴⁷ Buku ini yang bersikap anti-*Malayan Union* cuba menghuraikan bahaya-bahaya yang akan menimpa orang Melayu jika sekiranya *Malayan Union* dibiarkan berjalan kuatkuasa. Oleh yang demikian ini sebenarnya lebih merupakan sebuah *risalah politik*; tidak terdapat unsur-unsur sejarah di dalamnya. Berlainan sekali tulisan beliau yang kedua yang berjudul *Amaran: Kupusan Siasat Melayu yang Berterus Terang* (1951). Buku ini diterbitkan beberapa hari sebelum Datuk Onn meletakkan jawatan sebagai Yang Dipertua UMNO.⁴⁸ A.H. Edrus tidak setuju dengan cadangan Datuk Onn supaya orang bukan-Melayu diterima sebagai anggota biasa dalam UMNO. Maka dalam buku *Amaran*, beliau memberikan suatu gambaran sejarah yang *panoramic*, bermula dari "jatohnya Empire Kerajaan Melaka yang sangat gah dan mashhor itu"⁴⁹ sehingga perkembangan-perkembangan 1949–1950 [Waktu Jawatankausa Perhubungan Muhibbah Antara Kaum (Communities Liaison Committee) cuba meruntuhkan tembok perkauman] dengan tujuan menunjukkan bahayanya pendekatan CLC yang mahu menghapuskan identiti 'Melayu' untuk mewujudkan identiti 'Malayan'. Maka A.H. Edrus terhitung di antara suatu bilangan kecil aktivis politik yang mempunyai perspektif sejarah yang agak jelas dan tidak tertegun-tegun mendasarkan hujjah-hujjah politiknya kepada perkembangan sejarah.

Ahli politik yang dalam perjuangannya berhujjah berasaskan perkembangan sejarah tidak sama dengan ahli politik yang hanya mencatatkan atau meriwayatkan

46 Lihat Mohd. Said bin Haji Sulaiman, *Hikayat Johor II: Tawarikh Ibrahim Sultan Johor daripada permulaan hingga kedatangan Jepun*, Johor Bahru, 1951; Haji Mohd. Mokhtar bin Haji Mohd. Daud, *Singgahsana Negeri Pahang*, Pekan, 1957 (?); dan Mustafa Tam, *Tawarikh Salasilah Kedah*, Alor Setar, 1962.

47 Lihat A.H. Edrus, *Peristiwa-peristiwa Siasah di-Tanah Melayu*, Qalam, Singapura, 1962. Buku *Malayan Union dsb.* (kitab asal dalam tulisan Jawi) telah dirumikan dan diterbitkan kembali sebagai sebahagian buku *Peristiwa-peristiwa dsb.*

48 Dirumikan dan diterbitkan kembali sebagai bahagian kedua *Peristiwa-peristiwa dsb.*

49 *Peristiwa-peristiwa dsb.*, h.163.

perkembangan peristiwa-peristiwa politik. Kategori ahli politik yang pertama itu adalah seperti peguam yang perlu mencari segala dalil untuk memperkuatkan kesnya; kategori ahli politik yang kedua tidak sebenarnya mempunyai kes semerta yang perlu dimenangi – mereka berfungsi sebagai pemberi maklumat. Di antara kategori yang kedua itu ialah Abdul Aziz bin Ishak dan Mohd. Yunus Hamidi yang, dalam zaman kemerdekaan itu, pernah juga menulis sejarah untuk mengenangkan kembali suka duka perjuangan politik.⁵⁰

Telah disebutkan tadi bahawa dalam zaman kemerdekaan itu setengah-setengah sejarawan tempatan, walaupun masih memberi tumpuan kepada sejarah kenegerian, sesungguhnya mencari *audience* yang baharu. Suatu contoh dapat diberikan. Sharom Hussein, dalam membentangkan bukunya (*Tawarikh Johor*), menerangkan bahawa tujuan penulisan buku beliau adalah

... supaya kita dapat bersama-sama memahami sejarah kita sendiri dan ia akan digunakan untuk menyemak kembali sejarah kita untuk jenerasi yang akan datang.⁵¹

Terpendam di dalam kata-kata itu ialah suatu kesedaran tentang sejarah sebagai *milik umum* (berbeza dengan sejarah dahulu yang ditulis di bawah naungan pemerintah) dan nilai sejarah sebagai suatu cabang ilmu yang dapat digunakan dari semasa ke semasa untuk mengukur kemajuan. Maka yang perlu diperhatikan di sini ialah *kesedaran* sejarawan sendiri. Walaupun kadang kala, apabila dibandingkan karya lama dengan karya zaman sekarang, didapati tiada perbezaan yang besar dari segi isi kandungan, pendekatan serta gaya bahasa, sekurang-kurangnya *motive* penghasilan satu-satu karya itu harus diperhitungkan. Sebilangan besar manusia dikongkong oleh alam sekitarnya; hanya sebilangan kecil yang sama ada tidak mahu menyesuaikan diri dengan keadaan baharu atau mempunyai penglihatan yang dapat memandang lebih jauh ke hadapan daripada orang-orang lain sezaman dengannya. Kalau diteliti persejarahan Melayu zaman kemerdekaan itu, sebahagian besar jelas memperlihatkan suatu *response* para sejarawan terhadap perkembangan-perkembangan politik zaman itu. Sebilangan kecil pula tetap patuh kepada tradisi lama. Dalam pada itu suatu kritikan yang dibuat oleh seorang peminat sejarah di Trengganu sepatutnya diberikan perhatian khas.

Dalam tahun 1954, Misbaha (Haji Mohd. Salleh bin Haji Awang), sejarawan tempatan Trengganu yang terkenal, telah menghasilkan buku sejarah Trengganu dalam tiga jilid.⁵² Dalam ruangan *Utusan Zaman* (12hb Disember 1954) terdapat suatu ulasan tentang buku itu. Penulis itu, yang hanya dikenali sebagai 'Suara Pembaca', berkata:

50 Abdul Aziz bin Ishak, *Riwayat Hidup Tunku Abdul Rahman Putra*, Kuala Lumpur, 1955, serta *Katak Keluar Di Bawah Tempurung [Autobiografi]*, Singapura, 1959; dan Mohd. Yunus Hamidi, *Sejarah Pergerakan Politik Melayu Semenanjung*, Kuala Lumpur, 1966.

51. Zainab bte. Ali, 'Sharom Hussein: Tokoh Sejarawan Johor' (Kertas Penyelidikan, Jabatan Sejarah, Universiti Malaya), 1976/77, h.23.

52 *Mengkaji Sejarah Trengganu*, Al-Hamadiah Press, Singapura.

Penerbitan sebuah buku yang disambut dengan harapan kandungannya akan lebih positif lagi dari yang ada sekarang, terutama dari yang dikarang oleh bangsa asing, tetapi harapan ini belum jelas disuarakan oleh buku 'Mengkaji Sejarah Trengganu' itu.

Hampir seluruh isinya menceritakan peri kecemerlangan Sultan Trengganu dengan alat-alat istana yang gilang gemilang sahaja sedangkan hal penghidupan rakyat bawahan pemerintahan Sultan itu tidak diterangkan sehingga rasanya tiadalah berapa beza benar dengan apa yang dijadikan bacaan di sekolah Melayu hari ini. Tambahan, yang dikatakan baharu ialah keterangan tentang delapan orang anak zuriat Sultan Trengganu yang belum begitu diketahui umum.

Oleh bentuk yang demikian, meskipun usaha pengarang untuk menulis sebuah sejarah boleh dipuji namun ternyatalah pengarang buku 'Mengkaji Sejarah Trengganu' itu membayangkan kepada kita bahawa ia amat sulit untuk mengatasi beberapa hal yang penting sebagai seorang penulis sejarah yang bebas.

Maksud saya, menulis sejarah janganlah hendaknya terpengaruh oleh sesuatu keadaan, sebab sejarah yang silam adalah bersifat kenyataan yang tidak dapat diingkari lagi; segala sesuatu yang berlaku dalam kehidupan bangsa kita di zaman lampau, baik mengenai raja yang adil atau zalim, penghidupan rakyat yang tertindas, adalah merupakan rangkai sejarah yang benar dalam mengenali bangsa kita sendiri.

Menyembunyikan sebahagian dari perkara itu akan hanya mengutamakan keindahan raja sahaja, pada pendapat saya, masih kurang adil dalam menulis sesebuah sejarah yang sesuai dengan kehendak masyarakat kita dalam zaman ini.⁵³

Secara ringkas, penulis itu bermaksud *Mengkaji Sejarah Trengganu* itu terlampau elitis dari segi pertanggungannya. Beliau juga menegaskan tentang pentingnya sejarah ditulis dengan cara yang objektif. Bagi ahli-ahli sejarah zaman sekarang kedua-dua perkara yang diujarkan oleh penulis itu bukanlah gagasan yang begitu baharu. Tetapi pada tahun 1954, di kalangan para sarjana (di seluruh dunia) yang berminat dalam sejarah benua Asia, belum lagi terlintas dalam pemikiran mereka bahawa persejarahan Asia setakat itu memang memperlihatkan satu kelemahan — pertanggapan sejarah terlampau *elitis*. Para sarjana masa itu hanya mulai memberi perhatian kepada soal *centrism*⁵⁴ yang kemudian dibahaskan selama lebih kurang 10 tahun.

Tidak diketahui sama ada 'Suara Pembaca' juga seorang ahli sejarah. Tetapi

53 Lihat Kadir bin Che Mat, 'Peranan Misbaha (Haji Mohd. Salleh bin Haji Awang) dalam Konteks Persejarahan Trengganu' (Kajian Ilmiah, Jabatan Sejarah, Universiti Malaya), 1975, h.211.

54 Lihat D.G.E. Hall (ed.), *Historians of Southeast Asia*, London, 1962.

jelas bahawa beliau adalah seorang pemikir yang bukan kepalang. Suratnya ditulis pada tahun 1954 tetapi jika dibaca hari ini oleh para mahasiswa ataupun setengah-setengah ahli sejarah akan didapati bahawa ideanya masih belum ketinggalan zaman.

Mulai penghujung 1960an kegiatan-kegiatan persejarahan oleh sejarawan tempatan semakin berkurang. *Mood* negara kian berubah; kolonialisme British hampir lenyap daripada desakan hidup sehari-hari. Tambahan pula Bahasa Melayu/Malaysia mulai kukuh sebagai bahasa akademik. Ini melahirkan suatu golongan sejarawan baharu — para mahasiswa dan pensyarah yang mengambil alih tugas menulis sejarah tanah air.

Sepanjang kemerdekaan itu, jelas bahawa persejarahan yang dihasilkan oleh aktivis politik bersifat perjuangan. Sejarah menjadi salah satu alat mereka dalam percubaan untuk mengubah sistem politik. Bagaimana pula tentang tulisan-tulisan yang bukan secara langsung dipergunakan sebagai alat politik? Di manakah letaknya unsur perjuangan persejarahan itu? Saya rasa 'perjuangan' para sejarawan zaman itu boleh dilihat dari dua sudut — yang semerta iaitu persejarahan yang secara langsung digunakan untuk mencapai objektif politik; dan yang umum, iaitu persejarahan yang dihasilkan supaya ia dapat mempengaruhi generasi muda zaman kemerdekaan itu supaya mereka akan merasa lebih bangga tentang tradisi kebangsaan, mengetahui tentang sumbangan-sumbangan pejuang-pejuang dahulu dan mencintai 'nusa dan bangsa' yang sepertimana tamaddun-tamaddun lain mempunyai asas sejarah yang tua.